

Aktiviti : Jambatan Hebat 

Bahan : Straw/ lidi sate, pita pelekat, plastisin atau gam, kadbod kecil dan objek untuk diuji (pemadam, syiling, bolek kecil dan lain-lain)

Arahan:

1. Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil (3 hingga 4 orang).
2. Murid merancang dan melukis reka bentuk jambatan menggunakan pelbagai bentuk.
3. Murid membina jambatan menggunakan bahan yang disediakan – wajib menggunakan sekurang-kurangnya tiga bentuk berbeza.
4. Setiap kumpulan menguji kekuatan jambatan dengan meletakkan objek kecil satu demi satu. Kira berapa banyak objek yang dapat ditampung.
5. Setiap kumpulan membentangkan hasil binaan, menerangkan bentuk yang digunakan dan mengapa bentuk itu dipilih.